



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Tukang rumah terkejut pak belang jilat pinggang

**DUNGUN** - "Saya sangka pinggang saya disentuh anak, tetapi rupanya pak belang yang jilat," kata tukang rumah, Mohd Harun, 61, yang didekati dua ekor harimau belang di Kampung Besol Lama, Bukit Besi di sini semalam.

Mohd berkata, ketika kejadian kira-kira jam 9 pagi itu, nyawanya terasa bagai di hujung tanduk.

Katanya, dia sedang membaiki struktur rumah bersama seorang anak lelakinya yang berusia 22 tahun sebelum haiwan liar terbabit menjilat pinggangnya.

Menurutnya, disebabkan menyangka pinggangnya disentuh anak, dia mahu

menepuk dahi anaknya sebelum mendapati objek ditepuknya itu berbulu.

"Terkejut besar saya bila tengok pak belang ada tepi. Saya lari sekuat hati masuk ke dalam rumah. Selepas yakin harimau belang itu sudah pergi, saya keluar rumah semula tetapi terperanjat lagi sebab ada seekor lagi pak belang di depan rumah saya," katanya.

Mohd berkata, dia menjerit meminta tolong sebelum harimau terbabit mengejanya hingga dia cedera di dahi kerana terpaksa terjun ke dalam sungai untuk



MOHD

elak diterkam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr Abdul Malik Mohd Yusuf berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk kampung berhubung kejadian itu pada jam 11.30 pagi.

Menurutnya, kakitangan Perhilitan segera dikerah ke lokasi kejadian untuk melakukan usaha menangkap haiwan liar itu sejurus menerima aduan penduduk.